

**LAYANAN DUTI SETEM BAGI SURAT CARA PENGGAJIAN
SERTA SURAT CARA DI BAWAH KATEGORI PENGECCUALIAN
DAN PENGECCUALIAN AM**

CYBERJAYA, 7 OGOS 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa penetapan layanan duti setem dan pengemukaan untuk pengendorsan surat cara bagi **kontrak penggajian** serta **surat cara di bawah kategori Pengeccualian dan Pengeccualian Am** dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949 adalah seperti yang berikut:

- (a) Semua surat cara yang disenaraikan di bawah kategori **Pengeccualian** dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949, **termasuk surat cara bagi kontrak penggajian dengan saraan bulanan tidak melebihi RM3,000 tidak perlu disetamkan dan diendorskan;**
- (b) Semua surat cara yang disenaraikan di bawah kategori **Pengeccualian Am** (surat cara dikeccualikan di bawah seksyen 35 Akta Setem 1949) dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949 **perlu diendorskan** bagi memastikan hanya pihak tertentu dan surat cara yang layak sahaja boleh menuntut pengeccualian duti setem; dan

- (c) Bagi surat cara kontrak penggajian dengan saraan bulanan melebihi RM3,000, hanya **surat cara utama atau kontrak induk** yang mengandungi terma dan syarat penggajian di antara majikan dan pekerja, **perlu disetemkan dan diendorskan**. Surat cara sampingan berkaitan penggajian yang sama tidak perlu disetemkan dan diendorskan.

Penetapan ini memberikan kejelasan, keseragaman dan kepastian kepada pembayar cukai mengenai layanan duti setem bagi dokumen berkaitan, sekali gus memudahkan pelaksanaan serta pematuhan terhadap Akta Setem 1949.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 7 Ogos 2026